

Seuntai Amanat Pengetua

Seuntai mudah,
Bismilahirrahmanirrahim..
Asslamualaikum w.b.t dan salam sejahtera.



Sebagai pembuka kata, saya ingin memanjatkan kesyukuran ke hadra Ilahi kerana diberi ruang dan kesempatan berharga ini. Syabas kepada Ahli Jawatankuasa Laman Web SMKBU(3) kerana mampu merealisasikan Laman Web rasmi sekolah. Kepada semua yang terlibat, ucapan terima kasih dan tahniah tidak terhingga atas usaha dan komitmen yang ditunjukkan, sesuai dengan Visi sekolah mewujudkan kecemerlangan warga dan organisasi. Terima kasih juga kepada PIBG yang menyokong penuh usaha murni ini.

Laman Web SMKBU(3) merupakan catatan dan rakaman penting aktiviti kurikulum dan kokurikulum dari masa ke masa sekolah. Sesungguhnya kenangan dan pengalaman seseorang semasa di alam persekolahan amat berharga buatnya. Sekolah menjadi pengukir pengalaman dan pemahat memori yang bermakna dalam hidup kita. Justeru itu, amat wajarlah Laman Web SMKBU(3) dibina kerana pencapaian, kejayaan, selalu segala aktiviti dan apa sahaja yang ada di SMKBU(3) didokumentasikan.

Kejayaan yang diraih oleh SMKBU(3) telah membuktikan bahawa segala perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan penilaian yang jitu bagi memastikan pengurusan pendidikan di sekolah sentiasa menuju ke arah Visi dan Misi yang ditetapkan telah berhasil. Sekolah merupakan institusi terbaik untuk dibangga dan dikagumi oleh masyarakat setempat kerana sekolah biasa pun akan menjadi sekolah luar biasa setelah mencipta kecemerlangan. Besarlah kejayaan dan kegemilangan sekolah ini diharapkan menjadi sekolah ternama di Bandar Utama..

Dengan informasi berguna, berwarna warni dan ceria, hasil nukilan ciptaan warga SMKBU(3) dan rakaman kejayaan kurikulum dan kokurikulum, maka Laman Web SMKBU(3) melangkah setapak lagi mencipta sebuah sejarah untuk sekolah ini. Informasi ini penting untuk menyebarkan dan menyampaikan berita berkaitan kepada pelajar dan para ibu bapa.

Akhir kata, tahniah dan terima kasih kepada semua Ahli Jawatankuasa Laman Web SMKBU(3) kerana berjaya menyalurkan idea kreatif yang dapat menyuntik semangat seluruh warga sekolah agar tidak jemu-jemu meneroka dunia bestari yang semakin mencabar. Kesungguhan dan komitmen anda semua sudah tentu akan menzahirkan buah tangan yang eksklusif untuk tatapan pembaca. Semoga segala kejayaan yang telah kita capai pada masa ini akan menjadi inspirasi untuk kita pada masa mendatang.

Syabas! Saya sentiasa menyokong SMKBU(3) untuk jadi yang terbaik.

Salam sayang,

PN. AZIZAH BINTI YUSOFF